

Terma dan Syarat Kempen Triple Reward #SinarNova – Cabutan Rezeki

Untuk layak menyertai kempen ini, peserta hendaklah memenuhi terma dan syarat berikut:

- 1) Menyertai pelan i-Great Nova.
- 2) Permohonan mesti dihantar dalam tempoh kempen berlangsung (5 – 31 Januari 2024) dan sijil perlu berkuat kuasa pada atau sebelum 14 Februari 2024.
- 3) Sijil mestilah berkuat kuasa sewaktu Cabutan Rezeki yang dijangka dijalankan selewat lewatnya akhir Mac 2024.
- 4) Tanpa mengira Jumlah Perlindungan Asas atau jumlah Caruman, setiap sijil yang layak akan layak mendapat satu (1) nombor cabutan. Tetapi, setiap peserta atau Orang yang Dilindungi tidak boleh memenangi lebih dari satu (1) Hadiah.
- 5) Hadiah cabutan rezeki tertakluk kepada ketersediaan. Sekiranya berlaku perkara yang tidak dijangka, Great Eastern Takaful Berhad (GETB) mempunyai hak untuk menggantikan hadiah alternatif dengan nilai yang sama tanpa memberi notis terlebih dahulu.
- 6) Pelanggan yang membatalkan sijil i-Great Nova sedia ada dan kemudian mendaftar sijil i-Great Nova yang baru semasa tempoh kempen tidak layak untuk menyertai kempen ini.
- 7) Ejen dan Staf GETB tidak layak menyertai Kempen Cabutan Rezeki.
- 8) Pemenang akan dimaklumkan melalui SMS/emel dan ejen masing-masing.
- 9) Pemenang dikehendaki untuk memberi respon dan menjawab soalan dari GETB, dalam tempoh lima (5) hari. Jika pemenang tidak dapat dihubungi atau tidak menjawab semua soalan dengan tepat, GETB mempunyai hak untuk mencabut semula pemenang yang layak.
- 10) Untuk pemenang bukan Muslim atau sekiranya pemenang tidak mampu untuk menunaikan umrah (atas sebab yang tertentu) akan digantikan dengan wang tunai yang bersamaan dengan nilai pakej umrah tersebut.